

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Bercuti di kampung

588, Lorong 2/A,
Taman Sejati Indah,
08100 Bedong,
Kedah.

10.02.2021

Menemui (1) _____ yang tinggal di Kampung Cendana. Semoga datuk berada dalam keadaan sihat. Saya berharap nenek pun berada dalam (2) _____ sihat-sihat belaka.

Datuk,

Tujuan saya (3) _____ surat ini adalah untuk memberitahu datuk tentang kedatangan saya ke kampung. Saya merancang untuk (4) _____ ke kampung pada cuti sekolah iaitu 08.03.2021 hingga 15.03.2021. Dua orang rakan turut (5) _____ saya.

Ayah akan menghantar saya ke (6) _____ bas. Saya akan ke sana menaiki bas. Dari perhentian bas, saya akan menaiki teksi ke rumah datuk.

Datuk usah (7) _____ tentang keselamatan saya. Saya akan (8) _____ sebaik saja tiba di perhentian bas. Kami akan bersiar-siar sekitar kampung dan (9) _____ ikan di sungai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Danish

(Danish Amri b. Asri)

pulang	datuk	bimbang
menulis	menemani	keadaan
telefon	memancing	perhentian